# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 22 BILANGAN 34 | RABU 24HB. OGOS, 1977. | رابو 9 رمضان 1397 | PERCHUMA


## Dua orang akan di-korniakan gelaran "Cheteria"

BANDAR SERI BEGAWAN.—Dua orang "Pengiran" akan di-anugerahkan gelaran "Cheteria" dalam dua istiadat yang berasingan yang akan di-langsongkan di-Lapau dalam minggu ini.

Pengiran2 yang akan menjunjong kornia gelaran itu ia-lah Yang Mulia Pengiran Anak Ahmad bin Pengiran Sabtu Kamaluddin dan Yang Mulia Pengiran Anak Hassan bin Pengiran Sabtu Kamaluddin. Kedua2 Pengiran itu ada-lah dari Kampong Tumasek.

Pengiran Anak Ahmad akan menjalani Istiadat Mengorniakan Gelaran itu di-Lapau pada hari Sabtu ini, 27hb Ogos — mulai pukul 2.30 petang.

Istiadat Mengagae ka-atas beliau telah pun dilaksanakan pada hari Sabtu, 20hb Ogos lepas di-Lapau di-hadapan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah.

Petang hari Selasa kelmarin, 23hb Ogos, Istiadat Mengagae ka-atas Yang Mulia Pengiran Anak Hassan telah sempurna di-laksanakan di-Lapau.

Istiadat mengorniakan gelaran Cheteria ka-atas beliau itu akan berlangsong pada hari Ahad, 28hb Ogos mulai pukul 2.30 petang.



Y.A.M. Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh ketika menyampaikan titah Kebawah DYMM di-Majlis Do'a Selamat dan Keshukoran di-Dewan Pusat Belia.

## PENGHARGAAN DYMM TERHADAP TENAGA2 YG MELAKSANAKAN PERAYAAN KEPUTERAAN BAGINDA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Y.A.M. Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pg Haji Rajid, dengan amat sukachita menyampaikan titah uchapan berbanyak terima kaseh yang tulus ikhlas kapada seluroh raayat Baginda Sultan yang di-kasehi dan kapada semua masharakat yang telah berpenat lelah pada mengusahakan dan menjayakan dan juga yang telah sudi beramai2 memeriahkan Hari Keputeraan Baginda kali ke-31 tahun yang juga ada-lah 10 tahun Baginda menaiki Takhta Singgahsana Kerajaan Negeri Brunei Darussalam ini.

Sabda-nya, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda juga sukachita menguchapkan terima kaseh kapada kesatuan2, badan2 kebajikan, ketua2 kaum dan lain2 yang berkenaan yang telah sudi menyembahkan uchap selamat pada hari puja usia Baginda, mudah2an segala usaha yang berkebajikan dan segala niat yang baik itu akan di-terima oleh Allah s.w.t. sa-bagai amalan yang saleh.

Yang Amat Mulia menyampaikan titah Baginda itu di-Majlis Do'a Selamat dan Keshukoran yang berlangsong di-Dewan Pusat Belia pada 15hb Ogos yang lalu. Majlis2 yang sama juga telah di-adakan di-daerah2 Belait, Tutong dan Temburong.

"Duli Yang Maha Mulia bertitah betapa pentingnya kita semua di-Negeri Brunei ini terus-menerus berusaha pada mengekalkan keadaan yang aman sentosa yang sedang kita nekmati sekarang yang mana kita bershukor kapada Allah s.w.t. terhadap-nya kekukohan pegangan yang ingin untok mengekalkan keamanan itu di-kalangan raayat dan pendudok Negeri Brunei keselurohan-nya dan keimanan yang semakin kuat dan takwa kapada Allah Subhanahu Wataala.

"Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga ingin menyampaikan penghargaan kapada sekalian raayat dan pendudok negeri ini yang telah memberikan kerjasama kapada Kerajaan Baginda dalam usaha untok mengekalkan keamanan dalam negeri dan menyeru seluroh lapisan raayat supaya melipat gandakan usaha2 yang berkesan kapada membawa kebajikan serta kebahagiaan untok negeri kita Brunei Darussalam.

"Duli Yang Maha Mulia ingin mengingatkan kapada raayat dan semua pendudok dinegeri ini supaya akan terus memberikan kerjasama tegoran2 yang membena yang jujor berterang2an dengan sepenohnya demi keptentingan dan kebahagiaan serta kemakmoran Negeri Brunei yang kita chintai ini dan segala isi di-dalamnya," jelas Yang Amat Mulia.

## Pulis: Satu perkhidmatan penting

JALAN MUARA. — Saramai 30 orang rekrut lelaki Pulis Diraja Brunei telah menamatkan latehan mereka sa-lama enam bulan di-Pusat Latehan Pulis di-Jalan Muara. Satu perbarisan sa-bagai menandakan tamat-nya latehan mereka itu telah di-adakan di-pusat itu pada 13hb Ogos yang lalu.

Timbalan Pengarah Perjawatan, Awang Haji Mohd Kassim bin Haji Mohd Daud telah memereksa barisan dan menerima tebek di-upachara tersebut.

Awang Haji Mohd Kassim dalam uchapan-nya menyatakan bahawa perkhidmatan pulis ada-lah satu kerjaya yang penting kerana anggota pulis ada-lah bertanggong-jawab melaksanakan undang2 dan peratoran negara.

Dari itu, tegas beliau, ada-lah perlu bagi sa-orang pegawai pulis supaya bertugas dan melaksanakannya dengan ikhlas supaya kuasa yang di-amanahkan kapada mereka tidak akan di-salah-gunakan.

Terdahulu dari itu, Awg Haji Mohd Kassim telah menguchapkan tahniah kapada rekrut2 yang telah menamatkan latehan itu.

Awang Haji Mohd Kassim juga telah menyampaikan 'baton' kapada rekrut yang terbaik Awang Jabat bin Haji Damit dan sijil2 kapada Awang Ahmad bin Ibrahim dan Awg Gillian anak Ujah.

Pemangku Pesurohjaya Pulis, Dato Charles Miller, Pegawai2 Kanan Pulis dan saudara mara rekrut2 itu telah hadhir menyaksikan perbarisan itu.



Awang Haji Mohd Kassim sedang menyampaikan sijil kapada salah sa-orang rekrut terbaik sa-masa menjalani latehan.

## Pesta Ria RTB di-KB

KUALA BELAIT.—Radio dan Talivishen Brunei akan menganjorkan 'Pesta Ria' bertempat di-Dewan Kemasharakatan di-sini pada 27hb Ogos ini mulai jam 7.30 malam. Ranchangan tersebut ada-lah untok persediaan Hari Raya Idilfitri akan datang.

Sa-orang juruchakap RTB menyatakan kapada Pelita Brunei minggu ini bahawa antara ranchangan yang kakan di-persembahkan di-Pesta Ria itu nanti termasok-lah: Nyanyian, Lawak Jenaka, Terima-lah Sampol Surat, Berpasangan, Sejenak Bersama Awda, Berlawan Pantun dan Bintang2 Undangan Idilfitri.

Sementara itu Pesta Ria yang sama juga akan di-adakan di-Tutong bertempat di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim pada 3hb September depan jam 7.30 malam.

Orang ramai ada-lah di-jemput untok menyaksikan Pesta Ria itu.

## Cheramah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kakitangan2 Kerajaan yang terpileh dalam Pengkajian Perbelanjaan Keluarga akan di-beri penerangan2 oleh pegawai2 dari Bahagian Perangkaan sa-belum mereka menjalankan tugas dalam bulan depan.

Majlis cheramah bagi kakitangan di-Daerah Brunei/Muara akan di-adakan di-Bilek Bachaan Dewan Pusat Belia pada hari Khamis, esok 25hb Ogos mulai jam 9.00 pagi.

Bagi kakitangan di-Daerah Tutong majlis tersebut akan di-adakan pada 27hb bertempat di-Bilek Persidangan Pejabat Daerah Tutong jam 9.30 pagi dan bagi kakitangan di-Daerah Belait pada sebelah petang-nya mulai jam 2.30 petang. Majlis tersebut akan di-adakan di-Dewan Bandaran Pejabat Bandaran Kuala Belait.

Kakitangan yang terpileh di-Daerah Temburong akan di-beri penerangan pada hari Selasa 30hb Ogos mulai 8.00 pagi. Majlis tersebut akan di-adakan di-Rumah Tumpangan Kerajaan, Bangar.

Ketua Pegawai Perangkaan, Dayang Hajjah Jusnani bte Haji Lawie meminta kakitangan2 yang telah terpileh untok menjalankan pengkajian itu supaya menghadhiri cheramah2 tersebut oleh kerana mereka akan di-kehendaki mengisi borang2 yang di-tentukan.

Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

24HB OGOS, 1977

# MENJUNJONG TITAH

DALAM beberapa titah sejak hari puja usia Baginda di-Lapau pada 15hb Julai yang lalu sa-hingga-lah dalam pertandingan membacha Al-Kor'an Sa-Negeri Brunei pada 9hb Ogos lepas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengulangi terhadap apa yang di-hajati oleh Baginda ia-itu kejujoran, amanah dan kechergasan dalam menjalankan pentadbiran di-jabatan2 Kerajaan Baginda. Baginda bermaksud supaya di-lebehkan usaha2 yang berkesan pada membawa kebajikan serta kebahagiaan untok Negeri Brunei Darussalam berserta raayat dan pendudok-nya.

Chukop jelas bahawa Baginda Yang Dipertuan menyampaikan amanat itu "bertali-arus" pada sudut yang sama yang sudah tentu memberikan bayangan kapada kita seluroh-nya betapa pentingnya titah Baginda itu di-teliti dengan sa-baik2-nya dan sa-telah itu mengkehendaki tindakan yang wajar, tetapi bukan dengan chara "membuang limbai" atau hanya sa-kadar "menyelirik".

Dalam menimbang-nimbang titah Baginda itu, bukan-lah merupakan satu langkah yang bijak untok mendapatkan di-mana lubok-nya yang belum menyampaikan hajat Baginda itu walau pun pepatah ada menyebut "kalau tidak kerana angin masakan pohon bergoyang". Akan tetapi ada-lah sudah menchukopi dengan pengabdian kesedaran di-kalangan sa-tiap anggota masharakat yang memegang amanah dan menjadi harapan Baginda untok menyampai dan menyempurnakan hajat Baginda itu dengan chara mengunjar dan bertanya pada diri sendiri "apa-kah saya telah berjaya menyampaikan hajat Baginda itu, dan, ada-kah tindakan saya sa-chuchok dengan hajat Baginda itu?". Jika jawapan-nya positif, maka "saya" itu ada-lah termasok di-antara orang2 yang berjaya menyampaikan hajat Baginda tersebut. Jika negatif jawapan-nya, maka hendaklah mengator langkah2 ka-arah apa yang di-hajatkan oleh Baginda itu. Jalan yang demikian ini ada-lah yang paling senang dari menchari2 lubok yang tidak ketahuan sungai atau aliran-nya.

Sayugia di-ingat bahawa sa-tiap yang bersangkutan dalam pentadbiran di-Jabatan2 Kerajaan Baginda itu, sama ada ketua atau budak pejabat, tidak ada pengechualian dalam titah Baginda itu, kerana keselurohan-nya ada "pekerjaan" atau tugas masing2. Untok lebeh jelas di-petik semula perangan titah Baginda itu yang bunyi-nya: "Apa yang Beta hajati ia-lah kejujoran serta amanah dan kechergasan pada menjalankan pentadbiran dan *pekerjaan* di-Jabatan2 Kerajaan Beta, ya'ani, apa yang Beta maksudkan ia-lah supaya *di-lebehkan usaha2* yang berkesan pada membawa kebajikan serta kebahagiaan untok Negeri Brunei Darussalam, raayat dan pendudok Darussalam yang sama2 kita chintai ini".

Perkataan2 yang terkandong dalam titah Baginda itu, masing2 mempunyai maksud yang mudah difaham. Baginda mengkehendaki supaya sa-tiap yang menjalankan pentadbiran dan pekerjaan hendak-lah terus-menerus mengamalkan sifat2 yang terpuji ia-itu jujor, amanah dan chergas. Baginda mahu supaya di-lebehkan usaha2 yang berkesan untok tujuan2 kebajikan dan kebahagiaan Brunei dan raayat serta pendudok-nya. Ada pun melebehkan usaha2 yang berkesan mempunyai maksud yang luas dalam hubongan kechekapan pentadbiran dan perlaksanaan perkhidmatan untok negara yang mempunyai penghuni yang bergelar raayat dan pendudok itu. Sudut ini sudah tentu mengkehendaki kerja keras dari pehak2 yang berkaitan untok menilai semula taraf perkhidmatan yang sedang berjalan. Misal-nya, apa-kah disiplin bekerja sudah menchapai kapada taraf yang memuaskan atau apa-kah pekerjaan yang di-laksanakan sampai kapada taraf kechekapan yang di-perlukan? Untok mendapatkan jawapan2 yang adil dari sudut2 yang sa-umpama itu mungkin ada sukar-nya jika ianya datang dari dalam satu2 jabatan itu, kerana sifat membenar-benarkan diri itu harus ada dan jarang di-dapati siapa berani menghujani sira-nya. Dalam hubongan yang sa-umpama itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia pernah bertitah kapada raayat dan pendudok negeri ini dengan harapan supaya mengemukakan tegoran2 yang membena, yang jujor, berterangan2an dengan sa-penoh-nya kapada Kerajaan Baginda. Maka pada menjunjong titah Baginda itu, perlaksanaan-nya di-harap akan dapat di-lihat nanti.

# SERUAN DAN TITAH D.Y.M.M. PERLU DI-BERI SAMBUTAN DENGAN IKHLAS DAN JUJOR



YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pg Anak Haji Abdul Aziz.

*Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, minggu lalu menekankan bahawa "ada-lah berchanggah dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, jika kelemahan2 yang ada di-biarkan tanpa usaha2 untok membaiki-nya".*

*Yang Amat Mulia itu menyeru pehak2 yang berkaitan supaya memahami dengan bersungguh2 akan titah dan seruan2 Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan di-berikan sambutan yang ikhlas dan jujor dan jauhi-lah sifat "melempar batu sembunyi tangan".*

*Demikian-lah antara petikan dari sabda Yang Amat Mulia itu ketika merasmikan penutop Kursus Sivik Penuntut2 Sa-berang Laut Kali Ke-2 yang berlangsong di-Pusat Belia pada 14hb Ogos lepas.*

*Berikut ia-lah kandongan isi sabda Yang Amat Mulia itu:*

> "... jauhi sifat melempar batu sembunyi tangan"

Peserta2 kursus sivik ini yang terdiri dari penuntut2 Brunei yang belajar di-seberang laut sabenar-nya ada-lah sa-bagai pemimpin2 hari esok, kerana itu kursus sivik yang diberikan kapada mereka sekarang ini sangat-lah besar erti-nya bagi kepentingan penuntut2 itu sendiri dan juga bagi kepentingan Negeri Brunei Darussalam pada masa akan datang.

Sa-benar-nya Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan tidak "kelanguan" pada mengadakan siri2 kursus sivik kapada kumpulan2 yang di-fikirkan perlu. Salama ini kursus2 sivik telah di-berikan kapada hampir2 menyeluroh kapada tenaga2 yang mendokong Kerajaan Baginda saperti pelajar2 Sekolah Menengah dan Maktab2, Pegawai2 Rendah Kerajaan, Ketua2 Kampong, Penghulu2 dan Tuai2 Rumah, kapada Guru2 dan juga kapada penuntut2 Brunei sa-berang laut.

## HASRAT

Semua kursus2 sivik itu ada-lah di-hasratkan untok mewujudkan suasana yang baik dalam masharakat, untok menimbulkan semangat kerjasama yang lebeh erat dan pada menuju ka-arah pengkukohan ta'at setia yang tidak berbelah bahagi kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda.

Matalamat saperti yang di-nyatakan itu tidak-lah mudah untok di-chapai, tetapi ia akan terchapai dengan izin Allah jika ujud persefahaman dan perpaduan di-kalangan raayat dan pendudok negeri ini, dan saya perchaya peserta2 kursus yang terdiri dari penuntut2 sekalian memahami dan menyedari akan maksud persefahaman dan perpaduan yang diperlukan itu.

## USAHA

Oleh yang demikian elok benar kita sama2 merujok kembali kapada titah Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan pada 15hb Julai, 1977 yang di-lapadzakan di-Lapau saperti berikut:—

*"Apa yang Beta hajati ia-lah kejujoran serta amanah dan kechergasan pada menjalankan pentadbiran dan pekerjaan di-Jabatan2 Kerajaan Beta — ya'ani, apa yang Beta maksudkan ia-lah supaya di-lebehkan usaha2 yang berkesan pada membawa kebajikan serta kebahagiaan untok Negeri kita, Brunei Darussalam — raayat dan pendudok Negeri Brunei Darussalam yang sama2 kita chintai ini".*

Kita chukop sedar, bahawa kelemahan itu ada di-mana2, akan tetapi kelemahan2 yang di-biarkan dan tidak di-adakan usaha2 pada membaiki-nya ada-lah suatu perkara yang berchanggah dengan maksud titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang saya nyatakan tadi. kerana itu kita amat mustahak selalu memandang diri kita untok mencharai kelemahan2 kita sendiri dan berusaha untok memperbaiki-nya.

Dalam menuju ka-arah pembaikan dan kesempurnaan, kita perlu kapada sokongan dan kerjasama dari sa-genap pehak termasok-lah orang2 di-bawah pentadbiran kita sendiri dan hargai-lah pandangan dan kerjasama mereka dengan chara yang sewajarnya. Sikap ini sesuai dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia baru2 ini yang antara lain mengharapkan "Supaya di-kemukakan tegoran2 yang membena, yang jujor, berterang2an dengan sa-penohnya kapada Kerajaan Baginda". Seruan Baginda itu perlu-lah di-fahami dan di-berikan sambutan yang ikhlas dan jujor, dan jauhi-lah sifat "Melempar batu sembunyi tangan".

## PEMIMPIN

Awang2 dan Dayang2 peserta kursus sekalian di-perchayai telah mengikuti perjalanan kursus ini dengan hati2 dan ada-lah di-perchayai juga bahawa para peserta kursus dapat menambah pengetahuan dan pengalaman mereka, dan yang lebeh penting ia-lah mereka mendekati akan persoalan2 dan masaalah2 yang sebenar-nya mengenai dengan Negeri Brunei.

Sebenar-nya perkara ini amat penting bagi mengelakkan penuntut2 sekalian dari keadaan yang meraba2 dan keadaan yang samar2 yang boleh membawa kapada perasangka2 dan fikiran2 yang bertentangan dengan keadaan yang sabenar-nya. Jika di-tinjau keadaan yang sa-demikian dari sudut thema kursus ini yang berbunyi "Penuntut Sa-Bagai Pemimpin Hari Esok", maka saya ingin menekankan bahawa Brunei memang sentiasa berkehendakkan kapada pemimpin2, ia-itu pemimpin2 yang jujor, yang amanah dan sentiasa berkhidmat untok kebajikan dan kebahagiaan raayat dan pendudok Negeri Brunei serta isi di-dalam-nya semata2 kerana Allah jua.

Pada hemat saya pemimpin2 hari esok itu di-kehendaki mempunyai sifat2 yang tertentu, di-antara-nya termasok-lah enam perkara berikut —

*(i) Taat setia yang tidak berbelah bahagi kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan dan Kerajaan Baginda.*

*(ii) Menjunjong Ugama Islam sa-bagai Ugama Rasmi dan menjunjong Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Rasmi.*

*(iii) Menjunjong dan sentiasa memperbaiki Kebudayaan Brunei termasok-lah Adat Istiadat dan Adat Rasam,*

*(iv) Mendekati dan memahami kehendak2 raayat sa-bagai ilham untok kebajikan Negeri Brunei,*

*(v) Mempunyai keolahan yang senunoh dan bersopan santun menurut adat dan teradisi Brunei; dan*

*(vi) Bersifat jujor dan sentiasa menjadi chontoh dan tauladan.*

Ke-enam2 sifat itu akan lebeh sempurna di-laksanakan jika ia di- dokong oleh ilmu pengetahuan yang menchukupi dan pengalaman yang luas serta pandangan yang jauh, dan di-dokong oleh kejujuran para pemimpin. Kejujuran para pemimpin itu amat-lah penting kerana Brunei tidak sanggup untok mempunyai pemimpin saperti kata orang tua2 "Tanggong2 alang, kerasahan barat dilepaskan". Saya harap kita semua faham akan maksud kata2 itu.

Maka akhir-nya saya berseru-lah kapada penuntut2 sekalian supaya sentiasa melipat gandakan usaha pada menchapai ilmu pengetahuan yang lebeh tinggi dan pada memelihara nilai2 budi dan sifat2 kejujuran serta menjunjong tinggi ajaran2 Allah bagi melengkapkan diri sa-bagai pemimpin hari esok.

# NAMA2 AMIL DAN TEMPAT2 MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

*MAJLIS Ugama Islam Negeri Brunei dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah melantek saramai 143 orang Amil untok menjalankan pengutipan bayaran zakat fitrah bagi tahun Hijrah 1397 ini.*

*Sa-ramai 102 dari mereka itu adalah di-Daerah Brunei dan Muara; 16 di-Daerah Belait; 19 di-Daerah Tutong dan enam di-Daerah Temburong.*

*Menurut sa-orang juruchakap Majlis Ugama Islam Negeri Brunei menyatakan, semua orang Islam di-negeri ini hendak-lah membayar zakat fitrah mereka kapada Amil2 yang telah di-lantek di-kawasan masing2.*

*Kata-nya, zakat fitrah boleh di-bayar dari sekarang dan tidak lewat dari Imam mendirikan sembahyang Hari Raya.*

*Berikut ini ia-lah nama2 Amil dan tempat2 membayar zakat fitrah di-seluroh negeri.*

| BIL : | KAWASAN : | NAMA2 AMIL : | T/MEMBAYAR : |
|---|---|---|---|
| 1. | **Bandar Seri Begawan "A".**<br>a) Kawasan Bolkiah Kem dan seki-tar-nya (yang bukan terdiri dari-pada anggota2 Askar Melayu Diraja dan keluarga mereka).<br>b) Kawasan Istana Edanbiragh<br>c) Kawasan Jalan Peraya'an<br>d) Kawasan Jalan Bahagia<br>e) Kawasan Jalan Rakis<br>f) Kawasan Jalan Merdeka<br>g) Kawasan Jalan Telepok | Pehin Si-Raja Khatib Dato Paduka Haji Mohd Yussof bin P.O.K. Perdana Wangsa Haji Mohammad. | Di-Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 2. | **Bandar Seri Begawan "B"**<br>a) Kawasan Jalan Melabau<br>b) Kawasan Jalan Melabau Baru<br>c) Kawasan Jalan Temanggong<br>d) Kawasan Jalan Tapak Kuda<br>e) Kawasan dari Sport Club simpang Jalan Gadong hingga Jambatan Gadong. | Pehin Tuan Imam Dato Setia Awang Haji Tamin bin Abdul Hamid | Di-Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 3. | **Bandar Seri Begawan "C"**<br>a) Kawasan Simpang Jalan Gadong (Station Minyak)<br>b) Kawasan Jalan Senuai<br>c) Kawasan Jalan Kumbang Pasang<br>d) Kawasan Jalan Ong Sum Ping | Pehin Udana Khatib Awang Haji Juned bin Jamuddin | Di-Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 4. | **Bandar Seri Begawan "D"**<br>a) Kawasan Kampong Mabohai<br>b) Kawasan Jalan Sekolah<br>c) Kawasan W/Shop dan<br>d) Kawasan Jalan Dato Marsal | Mudim Awang Siraj bin Abdullah | Di-Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 5. | **Bandar Seri Begawan "E"**<br>a) Kawasan Jalan Tasek hingga Ang's Hotel<br>b) Kawasan Jalan Tasek Lama<br>c) Kawasan Jalan Lintang dan<br>d) Kawasan Jalan Simpang Sekolah | Begawan Mudim Haji Metussin bin Safar | Di-Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 6. | **Bandar Seri Begawan "F"**<br>a) Kawasan Pusar Ulak<br>b) Kawasan Jalan Tongkedah hingga Simpang Jalan Tutong<br>c) Kawasan Jalan Simpang (sebelah kiri)<br>d) Kawasan Jalan Padang<br>e) Kawasan Jalan Dato Taib dan<br>f) Kawasan Jalan Dato Isa | Mudim Haji Mohd Yassin bin Awang Damit. | Di-Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 7. | **Bandar Seri Begawan "G"**<br>a) Kawasan Jalan Stoney<br>b) Kawasan Jalan Dato Ibrahim<br>c) Kawasan Madarsah dan<br>d) Kawasan Barrek Hospital | Pehin Khatib Haji Abd Hamid bin Metassan | Di-Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 8. | **Bandar Seri Begawan "F"**<br>a) Kawasan Kampong Sumbiling Lama<br>b) Kawasan Jalan Istana Darussalam<br>c) Kawasan Balai Bomba dan sa-keliling-nya | Begawan Pehin Khatib Haji Mohd Yussof bin Abdul Latif | Di-Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 9. | **Bandar Seri Begawan "I"**<br>a) Kawasan Kampong Berangan<br>b) Kawasan Kampong Kianggeh<br>c) Kawasan Kedai2 B.S.B. dan<br>d) Kawasan Jalan Residency | Mudim Awang Haji Wahib bin Awang Besar | Di-Masjid Omar Ali Saifuddin. |
| 10. | **Bandar Seri Begawan "J"**<br>a) Kawasan Jalan Maharaja Laila<br>b) Kawasan Simpng Istana hingga ka-Batu 4 Jalan Tutong<br>c) Kampong Telanai dan<br>d) Kampong Medewa. | Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mohd Said bin Awang Tengah | Di-Masjid Omar Ali Saifuddin, dan Di-Rumah Amil. |
| 11. | **Bandar Seri Begawan "K"**<br>a) Kawasan Istana Darul Hana dan sa-keliling-nya<br>b) Kawasan Kampong Bandong<br>c) Kawasan Pulis Permanent Escort. | Pehin O. K. Perbandaharaan Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Ali Hussin bin Pehin Khatib Mohammad. | Di-Surau Istana. |
| 12. | **Bandar Seri Begawan "L"**<br>Kawasan Kampong Sumbiling Baru sa-hingga sa-belum Jalan Maharaja Lela Batu 1½ Jalan Tutong. | Pengiran Puteh bin Pengiran Ahmad (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |

## Bahagian Kawasan Kampong Ayer Daerah Brunei/Muara

| BIL : | KAWASAN : | NAMA2 AMIL : | T/MEMBAYAR : |
|---|---|---|---|
| 1. | Kampong Bukit Salat | *Pehin Bendahari Awang Mat Serudin bin Pehin Tuan Imam Abdul Rahman (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 2. | Kampong Ujong Bukit | Awang Mohd Noor bin Md. Yussof (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 3. | Kampong Limbongan | Awang Mohd Noor bin Pehin Khatib Abdul Razak (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |

PERINGATAN: *Amil2 yang baharu di-lantek.

| BIL : | KAWASAN : | NAMA2 AMIL : | T/MEMBAYAR : |
|---|---|---|---|
| 4. | Kampong Sungai Kedayan "A" | Awang Haji Mohd Salleh bin Pehin Penyurat Mat Serudin (Kaki Tangan Adat Istiadat) | Di-Rumah Amil. |
| 5. | Kampong Sungai Kedayan "B" | Awang Haji Abdul Aziz bin Awang Ahmad (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 6. | Kampong Ujong Tanjong | Awang Abu Bakar bin Pehin O.K. Seri Wangsa Haji Abdul Hamid (Kaki Tangan JHEU) | Di-Rumah Amil. |
| 7. | Kampong Kuala Sungai Peminyak | Pengiran Kalong bin Pengiran Ismail (Ketua Kampong). | Di-Rumah Amil. |
| 8. | Kampong Pengiran Pemancha Lama | Pengiran Ibrahim bin Pengiran Ahmad (Kaki Tangan JHEU) | Di-Rumah Amil. |
| 9. | Kampong Pengiran Tajuddin Hitam | *Awang Shahbudin bin Muara (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 10. | Kampong Pengiran Bendahara Lama | Pengiran Anak Metassan bin Pengiran Anak Sabtu Kamaluddin (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 11. | Kampong Tamoi Tengah | Pengarah Haji Metussin bin Haji Abdullah (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 12. | Kampong Tamoi Hujong | Awang Mokti bin Md. Salleh (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 13. | a) Kampong Burong Pinggai Ayer<br>b) Kampong Sengkirap | *Pengarah Haji Othman bin Abdul Kadir (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 14. | Kampong Lurong Dalam | Awang Haji Abu Bakar bin Hashim (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 15. | a) Kampong Sungai Pandan "A"<br>b). Kampong Sungai Pandan "B" | *Pengiran Sharifuddin bin Pengiran Ahmad (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 16. | Kampong Pandai Besi "A" | Awang Haji Momin bin Awg Besar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 17. | Kampong Pandai Besi "B" | Awang Ismail bin Awang Ja'afar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 18. | Kampong Pengiran Setia Negara | Pengiran Haji Damit bin Pengiran Ahmad (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 19. | Kampong Pekan Lama Laut dan Darat | Pengiran Metassan bin Pengiran Damit (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 20. | Kampong Bakut Pengiran Si-Raja Muda "A" | Pengiran Haji Othman bin Pengiran Metassan (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 21. | Kampong Bakut Pengiran Si-Raja Muda "B" | Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Tajuddin (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 22. | Kampong Bakut Berumput | Pengiran Othman bin Pengiran Damit (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 23. | Kampong Lurong Sekuna | Awang Haji Samat bin Awang Ibrahim (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 24. | Kampong Saba Tengah | Awang Ibrahim bin Awang Besar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 25. | Kampong Saba Laut | Awang Haji Masri bin Awang Raub (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 26. | Kampong Saba Hujong | Che'gu Haji Abdul Hamid bin Hj Perali (Guru Ugama) | Di-Rumah Amil. |
| 27. | Kampong Saba Darat "A" | Awang Haji Ahmad bin Petah Haji Tengah (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 28. | Kampong Saba Darat "B" | *Pengarah Omarali bin Petah Haji Tengah (Guru di-Jabatan Pelajaran) | Di-Rumah Amil. |
| 29. | Kampong Pekilong Muara | Awang Damit bin Awang Merali (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 30. | Kampong Setia Pahlawan | Awang Haji Abdul Rahman bin Awang Abdullah (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 31. | Kampong Peramu | Awang Haji Ismit bin Pengarah Mukim Haji Naim (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 32. | Kampong Ujong Kelinik | Awang Md. Salleh bin Awang Abu Bakar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 33. | a) Kampong Sungai Kebun Darat<br>b) Kampong Sungai Kebun Laut. | Awang Haji Ludin bin Awang Gapar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 34. | Kampong Setia Darat | Pateh Haji Masri bin Awang Ismail (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 35. | Kampong Setia Laut | Pengarah Haji Jair bin Awg Ja'afar | Di-Rumah Amil. |
| 36. | Kampong Sultan Lama | Awang Haji Omar bin Awang Duah (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 37. | Kampong Pengiran Kerma Indra Lama | *Pengiran Mahmud bin Pengiran Maidin (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |

## Kawasan Pendalaman Dan Luar Bandar Daerah Brunei/Muara

| BIL : | KAWASAN : | NAMA2 AMIL : | T/MEMBAYAR : |
|---|---|---|---|
| 1. | **Pulau Baru-Baru**<br>Kampong Pulau Baru-Baru | Awang Mohammad bin Awg Menuddin (Imam Masjid Kg Pulau Baru-Baru) | Di-Masjid Kg. Pulau Baru2. |
| 2. | **Pulau Berbunut**<br>Kampong Pulau Berbunut | Awang Haji Merpuji bin Awg Nudin (Imam Masjid Kg. Pulau Berbunut) | Di-Masjid Kg. Pulau Berbunut. |
| 3. | **Pudak**<br>a) Kampong Pudak<br>b) Kampong Tanjong Kindana | *Awang Mohd Yassin bin Awg Idris (Bilal Masjid Kg. Pudak) | Di-Masjid Kg. Pudak. |
| 4. | **Serdang**<br>a) Kampong Serdang<br>b) Kampong Sungai Belukut | Pengarah Haji Mohd Zain bin Tajuddin (Imam Masjid Kg Pudak) | Di-Rumah Amil. |
| 5. | **Sungai Matan**<br>Kampong Sungai Matan | Awang Damit bin Menudin (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |

(Bersambong Di-Muka 7)

# PERJALANAN KA-TANAH SUCHI — (SIRI TERAKHIR)

OLEH:
HAJI ABDUL AZIZ JUNED
KETUA
PEGAWAI PERHUBONGAN
HAJI TAHUN 1396 1976

*Mengakhiri siri renchana PERJALANAN KA-TANAH SUCHI minggu ini, penulis renchana Awg Hj Abd Aziz bin Juned telah menggambarkan suasana di-saat perjalanan pulang jemaah2 haji kita sa-telah selesai menunaikan rukun2 dan fardhu2 haji di-Tanah Suchi Mekah Al-Mukarramah.*

*Tentu-nya di-sepanjang renchana bersiri ini di-terbitkan sedikit sabanyak telah memberikan gambaran yang jelas yang mungkin dan pasti dapat memberikan bimbingan dan panduan yang amat berguna kapada bakal2 jemaah haji kita di-masa2 akan datang.*

*Dengan itu bagi pehak sidang Pengarang PELITA BRUNEI yang mengelolakan siri ini bagitu beruntong dan berterima kaseh kapada penulis renchana Awg Hj Abd Aziz bin Juned, siapa yang telah di-lantek oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sa-bagai salah sa-orang Pegawai Perhubongan Haji bagi musim haji 1396/1976.*

*Dengan kerjasama dan bakti tulisan yang amat berharga itu Sidang Pengarang sangat2 menghargai-nya dan berdo'a mudah2an Allah s.w.t. memberikan taufik dan hidayah-nya kapada penulis yang telah memberikan kerjasama yang berkebajikan itu.*

## SA-BUTIR NASI DAN SA-TITEK AYER

Perut bagaimana? Sa-hingga jam 12.00 tengah hari sekarang maseh belum masok sa-butir nasi dan sa-titek ayer. Ini bukan chakap kosong, tuan! Allah Ta'ala menjadi saksi. Lepas selesai urusan passport, chari terminal untok orang2 melanchong biasa pula. Baru di-ketahui sekarang, bahawa tempat jemaah kita diturunkan ini bukan-lah tempat yang sabenar-nya kita turun. Kita di-turunkan ini di-terminal untok orang2 haji biasa yang naik dengan kapal khas (chartered), sedang jemaah kita naik penerbangan biasa sa-bagai pelanchong biasa, yang terminal-nya bukan di-situ. Jadi dua masaalah besar sekarang, pertama: Barang2 kami telah termasok ka-dalam kawasan jemaah biasa, di-mana untok keluar semula boleh entahkan tidak, sebab kereta2 tidak lagi di-benarkan masok ka-dalam kawasan itu, termasoklah kereta2 yang boleh di-sewa — jenis PICKUP — untok membawa keluar barang2. Masaalah kedua: Kami sekarang mesti mendapatkan wakil sharikat China Airlines, dan sharikat ini berada jauh didalam bandar. Terminal bagi pelanchong2 biasa itu pula jauh-nya lebeh kurang dua batu jika jalan berpusing dengan kereta. Jadi ada-lah mustahil untok membawa barang2 yang bertimbun-timbun itu dengan mengangkat ditangan.

Dengan bertawakkal kapada Allah, kami ambil sikap yang bulat, ia-itu lebeh dahulu menghubongi pehak sharikat China Airlines. Kami naik teksi kira2 lima batu jauh-nya. Sampai di-sini hampir jam 2.00 petang. Perundingan di-adakan dengan pehak sharikat dalam beberapa perkara, antara-nya penetapan masa menimbang, barang2 yang lebeh, susunan tempat dudok dan lain2 lagi. Mengenai dengan barang2 yang lebeh, kami tidak di-berikan apa2 jaminan atau apa2 bayangan yang menyamankan hati, menyebabkan pula hati kami berdebar, takut kalau2 terlampau banyak yang lebeh banyak pula bayaran-nya, atau barang2 itu terpaksa di-tinggalkan.

## MENCHARI MAKANAN

Sa-baik keluar dari pejabat China Airlines, rakan sa-tugas saya mengingatkan, ada eloknya kami menchari makanan yang dapat mengalas perut. Benar juga, sa-bagaimana saya terangkan di-atas, bahawa belum ada apa yang telah singgah ka-mulut kami sejak pagi tadi. Liur terasa pahit dan kering, badan leteh dan tulang2 menggeletar. Berdekatan dengan pejabat China Airlines itu, ada kedai kechil menjual *biscuits* dan minuman dalam tin. Kami pun membeli 7UP satu sa-orang dan biskut *Carr's Wheatmeat*. Itu-lah sahaja yang menolong tenaga kami pulih sa-mula, dan kemudian meneruskan lagi perjalanan balek katempat jemaah sa-mula. Dengan tidak memperdulikan muka2 yang masam, bibir2 yang kumat-kamit dan ada juga tangan yang menarinari di-hadapan mata kami, kami *menulus* bilek ayer mengambil udzu' dan bergegas menghamparkan tikar sembahyang. Apa yang nak jadi, jadi-lah untok beberapa minit itu.

## MENGHADAPI KEADAAN

Selseai sembahyang, bersedia lagi menghadapi keadaan. Kira2 hampir 4.00 petang, baru-lah datang Sheikh Ali Yassin dari Mekah, maka dapat-lah membantu kami berikhtiar membawa barang2 keluar dari kawasan Madinatul Hujjaj ini ka-terminal No. 2 penerbangan biasa. Kesulitan yang besar untok ini ia-lah bagi mendapatkan kereta sewa untok mengangkat barang2 tersebut. Semua kereta2 tidak di-benarkan masok. Di-luar pulis berkawal mengawasi semua kenderaan, mana2 yang kosong tidak di-benarkan masok, hanya yang kebetulan membawa penumpang dan barang2 sahaja yang di-benarkan, itu pun dengan sharat mesti keluar sa-mula sa-baik2 sahaja selesai menurunkan penumpang dan barang2. Kereta2 (semua-nya jenis PICKUP) yang masok chara ini-lah, yang kami *sambangi*, kami minta membawa barang2 kami keluar. Pemandu2 kereta tersebut biasa-nya akan menolak kerana takutkan pulis. Tetapi dengan apa pun kami terpaksa-lah menawar, sebab tidak ada jalan lain lagi. Masa yang di-jadualkan untok bertolak pun makin dekat, apa yang akan terjadi jika barang2 tidak dapat di-pindahkan? Maka *pajal* punya *pajal* berserta dengan sharat pembayaran yang agak tinggi, pemandu yang keras ini pun jadi lembut dan bersedia menolong. Al-hamadulillah, segala puji dan shukor bagi Allah.

Dalam dua kali angkut, semua-nya berjalan dengan baik, tetapi masok ketiga kali-nya, kenderaan yang di-sewa itu tidak munchol2. Rupa2-nya ia tertahan di-luar, di-halang oleh pulis — tidak di-benarkan masok. Terpaksalah di-bayar sa-takat untok dua kali angkat sahaja. Kemudian *di-sambangi lagi kenderaan* yang lain, yang terlepas masok......dan dapat lagi. Dan begitu-lah sa-terus-nya, sa-hingga selesai ka-semua sekali barang2 itu di-angkat.

## TEMPAT TERKAWAL

Sekarang giliran jemaah untok beredar katerminal No. 2 di-mana barang2 telah di-bawa. Maka untok itu, telah di-putuskan untok berjalan kaki dengan merentas melalui jalan belakang yang dekat. Jika melalui jalan luar, akan terpaksa berpusing dan jauh. Tetapi untok lalu merentas ini, bukan-lah boleh sebarang lalu begitu saja, sebab ini ada-lah tempat terkawal yang di-jaga rapi oleh pulis. Maka untok tujuan ini, ada-lah lebeh dahulu di-pohonkan kebenaran bertulis, dan al-hamdulillah segala2-nya telah *di-luruskan* oleh Allah Ta'ala.

Ada beberapa orang sahaja yang tidak dapat ikut berjalan kaki kerana tua atau sakit. Mereka ini terpaksa-lah di-ikhtiarkan walau bagaimana pun sulit-nya.

## HANYA PEGAWAI YANG SEBOK

Kira2 jam 10.00 malam, semua jemaah telah hadhir dan bersedia di-terminal. Di-sini tidak ada apa2 lagi yang hendak di-risaukan. Semua orang merasa lega, boleh dudok-dudok di-atas kerusi yang empok. Udara nyaman dan tidak ada kelamkabut dan hingar-bangar lagi. Hanya pegawai2 saja yang maseh sebok kerana urusan2 menimbang barang. Yang turut bersama pegawai ia-lah Sheikh Ali Yassin Abdul Majid. Dia juga turut menimbang dan bertimbang semua barang2, di-dapati berlebeh sangat banyak. Pehak kita di-kehendaki membayar semua sekali sa-banyak 7,000 Rial Saudi. Di-mana mau dapat wang sa-banyak itu? Sedang kutipan daripada jemaah — hasil timbangan lebeh — yang kami pungut masa di-Mekah lagi, tidak-lah sampai sa-banyak itu. Jadi apa akal? Untok *mengingul* jemaah dalam hal ini kami anggap sudah tidak mungkin, kerana mereka sudah tutup kira-kira. Dan yang kami heran, kenapa-kah begitu banyak sekali kelebehan timbangan, sedang baru dua hari yang lepas telah kami pastikan tidak-lah sa-banyak itu. Jadi ini tentu-lah ada orang2 yang menambah-nambah barang-nya di-luar pengetahuan kami. Jika tidak, mana boleh berlaku demikian?

Bagaimanapun, kami tidak berdaya lagi berbuat apa2. Hendak marahpun kapada siapa? Jika di-tanya kapada orang2 yang terlibat sendiripun, tidak akan mengaku. Apa lagi yang tidak berbuat demikian (maksud saya yang tidak menambah2 barang tanpa pengetahuan kami). Jadi yang mesti kami tempoh sekarang hanya-lah *ikhtiar* di-samping do'a kapada Allah, mudah2an Dia melepaskan kami daripada kesulitan ini atau merengankannya. Hanya Allah tempat mengadu, dan pengaduan itu pula di-sampaikan melalui *rasa hati* yang tidak wujud dalam bentok kata2.

Allah Maha Pemurah dan Maha Mengasehani, sa-sudah *bertawar-tawaran* di-antara pehak yang berkenaan dengan pehak kami, akhir-nya lebeh sa-paroh bayaran di-gugorkan, dan kami hanya di-minta membayar sa-banyak 3,000 Rial Saudi sahaja dengan tanpa mengurangi berat barang2. Al-hamdulillah, sa-kali lagi pertolongan Allah kami terima dengan perchuma.

## BERTOLAK MENINGGALKAN LAPANGAN TERBANG JEDDAH

Tepat jam 2.10 pagi waktu Jeddah, pada 14hb Disember, 1976, kapal terbang yang membawa kumpolan pertama jemaah2 Brunei pun bertolak meninggalkan Lapangan Terbang Jeddah dalam perjalanan menuju tanah ayer. Demikian pula kumpolan yang kedua bertolak saperti yang di-jadualkan pada 18hb Disember, 1976.

## SEMUA JEMAAH SELAMAT

Demikian-lah, tuan! sedikit choretan saya yang di-beri nama *Perjalanan Ka-Tanah Suchi*. Choretan ini tidak-lah lengkap, hanya sekadar lintasan kesah yang amat rengkas mengenai 237 orang (232 orang yang ikut sama2 rombongan, sementara 5 orang lain sa-chara bersendirian). Semua-nya berada dalam *'afiat* dan selamat ka-pangkuan tanah ayer darussalam serta keluarga yang terchinta. Allah Maha Kaya meminjamkan umor dan kebahagiaan kapada hamba-Nya. Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar Walillahil Hamd.

## PENUTOP

Sa-belum saya mengundorkan diri, saya dengan segala rendah hati memohonkan ma'af — terutama kapada jemaah dan juga kapada pembacha2 sekalian, kira-nya ada tutor bahasa saya, baik dalam tulisan maupun melalui lisan, yang di-anggap kasar dan boleh menyenggong perasaan tuan. Tujuan saya bukan sa-kadar *menarikan* pena, tetapi dengan niat untok *beramal* — mudah2an ada kesan-nya yang baik, walau pun sedikit.

Demikian juga, sa-bagai mewakili rakan2 sa-tugas saya: (1) Yang Mulia Haji Mohd Yunos bin Haji Hussein, (2) Yang Dimuliakan Pehin Datu Harimau Padang Major Haji Hussein bin Ahmad dan (3) Yang Mulia Haji Ibrahim bin Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail, suka-lah saya mengambil peluang menguchapkan sa-tinggi2 terima kaseh kapada pehak2 yang berkenaan, lebeh2 lagi dengan hormat dan ta'azim menjunjong kaseh yang tidak terhingga ka-hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan di-atas anugerah perkenan melantek kami menjadi Pegawai2 Perhubongan Haji Bagi Musim Haji Tahun 1396/1976.

Wabillahit Taufek Walhidayah.

— TAMAT —

# Nama2 penuntut yg terpileh ka-sekolah2 Menengah Arab

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 100 orang murid dari Sekolah2 Ugama di-seluroh negeri telah di-pileh memasoki Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah dan Sekolah Menengah Ugama Raja Isteri Anak Damit tahun depan.

Dari jumlah tersebut, saramai 94 orang ada-lah dari Daerah Brunei dan Muara; 18 dari Daerah Tutong; 12 dari Daerah Temburong dan enam orang dari Daerah Belait.

Sa-ramai 457 orang murid — 175 lelaki dan 282 perempuan — telah menyertai pepereksaan pemilehan yang telah di- adakan sa-rentak di-seluroh daerah pada 3hb Julai yang lalu.

Mata2-pelajaran yang di-pereksa ia-lah bachaan Al-Kor'an, ilmu hisab, tauhid dan ibadat.

Berikut ini ia-lah nama2 murid2 yang terpileh bagi memasoki sekolah2 tersebut:

### BAHAGIAN LELAKI

Zulkiflee bin Jaili, Sekolah Ugama Hanching; Ak Nordin bin Pengiran Maidin, Sekolah Ugama Delima Satu; Lachik bin Tuah, S.U. Putat; Rosli bin Nudin, S.U. Putat; Mohamad Yusof bin Mohd Ali, SU Pg Anak Puteri Masna; Jofri bin Othman, SU Birau; Zainuddin bin Othman, SU Dato Gandi; Awang Mohammad bin Mohd. Taha, SU Pengiran Anak Puteri Masna; Abdul Aziz bin Haji Akop, SU Pudak; Khairolhapshah bin Serudin, SU Kiulap; Md. Jafar bin Ahmad, SU Pudak; Hamdan bin Idris, SU Bakiau; Ramlee bin Md Daud, SU Pg Muda Mohammad Bolkiah; Ak. Ibrahim bin Pg Bakar, SU D.M. Wangsa Lambak; Ak. Dauddin bin Pg Salleh, SU Kiudang.

Mohd. Yusof bin Tengah, SU Pg Anak Puteri Rashidah Saadatul Bolkiah, Seria: Abdul Manaf bin Metusin. SU Pg Muda Al-Muhtadee Billah; Sulong bin Sawal, SU Tungku Gadong; Ak Jufri bin Pengiran Hidup, SU HMS, Sungai Hanching, Bakar bin Bali, SU Piasau2 Labu; Norzaliani bin Latif, SU Tanah Jambu; Imaharan bin Haji Matali, SU Pengkalan Batu; Mas Reduan bin Haji Jumat, SU Pudak; Kamaluddin bin Sabtu, SU Birau; Abdul Aziz bin Kahar, SU AHMY Kati Mahar; Ak Rusman bin Pg Haji Shahbudin, SU Menteri; Mohamad Zaidi bin Abu Bakar, SU Labu Estate; Idris bin Mustapha, SU Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah; Puspa Wira bin Abdullah, SU Layong; Abang Hadzman bin Abang Taha. SU Birau; Omar bin Hashim, SU Birau.

Md Sufri Al Jeferiah bin Yahya, SU Kialanas; Mafshah @ Shahrin bin Majid, SU Anggerek Desa; Abdullah bin Mohamad, SU Bukok; Sulai bin Haji Tuah, SU Kilanas; Zulrushdi bin Md. Salleh, SU AHMY Kati Mahar; Musa bin Diris, SU Pengkalan Batu; Mazlan bin Judin, SU Puni; Abdul Halim bin Bungsu, SU Pengiran Anak Puteri Masna; Ak Mohd Yusof bin Pg Damit, SU HMS Sungai Hanching; Junaidi bin Haji Chuchu, SU Batu Marang; Narudin bin Mohamad, SU Tungku Gadong; Rossley bin Puasa, SU Bukok; Ak Amiruddin bin Pg Muda Haji Ismail, SU HMS Sungai Hanching; Sapee bin Sabtu SU Tumpuan Telisai; Razami bin Razali, SU Kampong Menengah; Abdul Aziz bin Haji A.A. Mohd. Maneefa, SU Pg Anak Puteri Rashidah Saadatul Bolkiah. Seria; Ak Ahmad Daud bin Othman, SU Sengkurong; Sa'dun bin Morni, SU Tumpan Telisai: Jepri bin Japar, SU Limau Manis.

### BAHAGIAN PEREMPUAN

Jusnani bte Awang Taha, SU Amar Pahlawan; Masinah bte Haji Matassan, SU Pengiran Anak Puteri Masna; Hamidah bte Haji Salleh, SU Pg Anak Puteri Masna; Nor Suria bte Haji Gapor, SU Lumut; Zaliha bte Md Jair, SU Pg Anak Puteri Rashidah Saadatul Bolkiah, Seria; Radiah bte Metali, SU Amar Pahlawan; Siti Mahyana bte Haji Yahya, SU Pg Anak Puteri Masna; Fatimah bte Gapor, SU Kasat; Russinah bte Jamuddin, SU Sinaut; Almas Akalili bte Danani, SU HMS Sungai Hanching.

Kamsini bte Awang Tahir, SU Kiulap; Ropiahwati bte Hj Mahmud, SU Raja Isteri Pg Anak Saleha; Dg. Middeni bte Lamit, SU Pantai Jiam Beribi; Norainah bte Jakir, SU Amar Pahlawan; Maimunah bte Badaruddin, SU HMS Sungai Hanching; Rasiah bte Taib, Labu Estate; Dg. Hajidah bte Haji Abdul Wahab, SU DMW Lambak; Noor Hira bte Noor Kaseh, SU Amar Pahlawan; Rugayah bte Haji Jafar, SU Putat; Jaitun bte Tuah, SU Piasau2 Labu.

Dg. Noriah bte Ag. Samat, SU SAB Sungai Besar; Nafisah bte Jali, SU OKBI Subok; Kartini bte Johari, SU Lamunin, Majnah bte Basni, SU Lamunin; Halinah bte Idris, Tungku Gadong; Suriyati bte Ahmad, SU DMW Lambak; Rosmini bte Mohammad, SU Putat; Noryiah bte Md Noor, SU Birau; Siti Rahmah bte Julaihi, SU Tumpuan Telisai; Naimah bte Salleh, SU Kiudang.

Siti Migawati bte Abdul Kahar, SU Pg Isteri Pg Anak Saleha; Sitipatimah bte Kamis, SU Puni; Dg. Jaliha bte Bair, SU Kasat; Dg. Noor Asmawati bte Mohd. Hussain, SU HMS Sungai Hanching; Dg. Siti Shahlawati bte Ag Besar, SU DMW Lambak; Marhani bte Namit, SU Bukok; Hadijah bte Haji Ahmad, SU Putat; Saiah bte Lamit, SU Bukok; Zainab bte Maidin, SU Kasat; Zaharinah bte Hussain, SU Sengkurong.

Siti Maria bte Moksin, SU Pg Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Seria; Wan Hamimah bte Haji Suhaili, SU Pg Anak Puteri Masna; Zainab bte Md. Yusof, SU Sengkurong; Azizah bte Mohamad, SU Kampong Menengah; Aisah bte Salleh, SU Tungku Gadong; Azizah bte Mumin. SU NAR. Menunggol; Siti Khadijah bte Ismail, SU Madrasah Hassanal Bolkiah; Hadisah bte Mohd. Zaini, SU Pg Anak Puteri Rashidah Saadatul Bolkiah, Seria; Latiffah bt Tasim, SU Piasau2 Labu; Siti Noor La'iala bte Tengah, SU Amar Pahlawan.

# KETETAPAN BAYARAN ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN INI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Ugama Islam Brunei telah mengeluarkan kenyataan bagi ketetapan pembayaran zakat fitrah bagi umat Islam di-negeri ini untok tahun hijrah 1397 bersamaan dengan tahun 1977 maschi.

Zakat fitrah yang telah di-tetapkan itu ada-lah daripada makanan biasa yang di-makan di-negeri ini menurut Mazhab Shafiee ia-itu zakat yang di-keluarkan dari beras dengan anggaran timbangan 3 kati 12 tahil di-negeri ini.

Bagaimanapun kata kenyataan itu lagi menurut Mazhab Shafiee bahawa ada-lah sah bagi orang2 Islam mengeluarkan zakat dengan nilai mata wang.

Oleh kerana harga beras di-negeri ini telah di-tetapkan oleh Kerajaan dengan harga yang berlainan di-semua daerah ia-itu $3.00 sa-gantang bagi Daerah Brunei, $3.05 sa-gantang bagi Daerah Muara dan Tutong dan $3.10 sa-gantang bagi Daerah Belait dan Temburong, maka kadar zakat fitrah yang di-keluarkan dengan mata wang mengikuti harga timbangan beras sa-banyak 3 kati 12 tahil ada-lah saperti berikut:

Bagi umat Islam di-Daerah Brunei sa-orang Islam di-wajibkan mengeluarkan zakat mata wang dengan $1.87½. di-kawasan Daerah Muara dan Tutong zakat mata wang tiap sa-orang ia-lah $1.90⅝ manakala bagi orang2 Islam di-Daerah Belait dan Temburong pula ia-lah $1.93¾ sa-orang.

Pembayaran zakat2 fitrah tersebut boleh-lah di-keluarkan menurut pengeluaran beras sa-banyak 3 kati 12 tahil atau mengikut takhlid Mazhab Hanafi dengan mengeluarkan nilai harga beras yang di-sebutkan saperti kadar nilai mata wang yang telah di-tetapkan di-atas.

Zakat2 fitrah wajib-lah di-keluarkan mulai awal bulan puasa sa-hingga imam mendirikan sembahyang hari raya.



Mohd. Faizal bin Abdullah



Mohd. Fauji bin Abdullah



Gambar atas menunjokkan majlis pengIslaman bagi Dayang Josephine Heng yang berlangsong di-rumah Awg Salleh Kadir.



Dy Maria bte Abdullah

## Memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN.—Empat Orang telah memelok Ugama Islam dalam tiga majlis pengIslaman yang di-langsongkan bulan ini.

Di-Kampong Bunut di-Daerah Brunei dan Muara, bertempat di-rumah Pg Hj Ismail bin Pg Menudin, Landan anak Sait berumor 19 tahun, sa-orang gadis Iban yang berasal dari Limbang telah menjalani pengIslaman-nya dengan memileh nama Islam-nya sa-bagai Dyg Maria bte Abdullah.

Sementara bertempat di-Pejabat Hal Ehwal Ugama di-sini pula sa-orang bangsa India, Randos Sharma berumor 60 tahun, sa-orang guru dari Malaysia telah menukar nama-nya dengan memileh nama Islam sa-bagai Mohd Faizal bin Abdullah.

Manakala dua orang lagi yang lain-nya dalam satu majlis pengIslaman yang bertempat di-rumah Awg Salleh bin Kadir di- Kampong Anggerek Desa, Berakas, Thomas Fam Kok Kuang berumor 26 tahun telah memileh nama Islam-nya sa-bagai Mohd Fauji bin Abdullah dan Josephine Heng, sa-orang gadis berumor 20 tahun memileh nama Islam-nya sa-bagai Dyg Megawati bte Abdullah. Majlis pengIslaman mereka itu telah di-jalankan pada 12hb Ogos lalu.

Ketiga2 majlis pengIslaman itu telah di-sempurnakan di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Hj Ismail bin Matserudin.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 24hb Ogos, 1977 hingga kahari Selasa 31hb Ogos, 1977 ada-lah saperti di-bawah ini: —**

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 24hb Ogos | 12.27 | 3.45 | 6.35 | 7.46 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |
| 25hb Ogos | 12.27 | 3.45 | 6.35 | 7.46 | 4.42 | 4.57 | 6.15 |
| 26hb Ogos | 12.26 | 3.43 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |
| 27hb Ogos | 12.26 | 3.43 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |
| 28hb Ogos | 12.26 | 3.43 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |
| 29hb Ogos | 12.26 | 3.43 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |
| 30hb Ogos | 12.26 | 3.43 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# AL-KORAN, UBAT DAN RAHMAT BAGI ORANG2 YG. BERIMAN

PADA malam 8hb. Ogos, 1977 yang baru lalu, ketika merasmikan pertandingan membacha Kitab Suchi Al-Kor'an bahagian orang2 dewasa perengkat negeri bagi tahun ini, bertempat di-Padang Besar Bandar Seri Begawan, Yang Teramat Behormat Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, dalam uchapan beliau antara lain telah menekankan bahawa antara keburokan2 yang patut di-hindarkan itu ia-lah: "Termasok sifat tidak jujor dan tidak amanah, sikap pileh kaseh kerana rasuah, sikap memberi keutamaan kapada kepentingan diri sendiri yang termasok sikap mengutamakan hanya kepentingan saudara mara sahaja sa-hingga mengenepikan peluang dan kepentingan orang2 lain yang sama2 mempunyai hak". Demikian yang di-petik dari akhbar Pelita Brunei keluaran 10hb Ogos, 1977.

Yang Teramat Behormat menegaskan lagi bahawa: "Menolak atau menchegah keburokan dan kemungkaran itu ada-lah satu dasar hidup yang wajib di-laksanakan. Tidak ada ma'ana-nya taraf kita sa-bagai manusia jika manusia itu terus menerus bergelomang dengan dosa, baik dosa kapada Allah mau pun dosa kapada sa-sama makhlok."

Uchapan Yang Teramat Berhormat di-atas, ada-lah mengambil thema pertandingan membacha Kitab Suchi Al-Kor'an pada tahun ini, dan menyebut tentang Al-Kor'an ini, kita teringat pula kapada ibadat yang sedang kita jalani sekarang, ia-itu berpuasa sa-bulan Ramadhan. Bulan Ramadhan ada-lah bulan berkat, di-dalam bulan ini-lah Al-Kor'an di-turunkan, dan Al-Kor'an itu pula ada-lah hidayat, pertunjok dan keterangan yang membedzakan antara yang benar dan yang salah.

Salah satu sunat yang di-kuatkan dalam bulan Ramadhan, ia-lah bertadrus ya'ani banyak membacha Al-Kor'an dan zikir, banyak bersalawat dan sedekah kapada fakir miskin, mudah2-an dengan itu dapat-lah kita umat Islam membaiki hati kita. Ada-lah puncha segala kejahatan dan kemungkaran itu terbit-nya dari hati. Tidak jujor dan tidak amanah ada-lah di-antara penyakit2 hati itu, yang sangat2 di-sukai dan di-galakkan oleh shaitan, dan ada-lah musoh kapada itu pula ia-lah ibadat, terutama ibadat sembahyang, sa-bagaimana maksud ayat Al-Kor'an:

"Sa-sunggoh-nya ibadat sembahyang itu menchegah kejahatan dan kemungkaran".

Kemudian ibadat puasa, ia-itu mengikut sa-buah hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Bahawa Ramadhan itu permulaan-nya ada-lah rahmat, pertangahan-nya keampunan (maghfirah) dan akhir-nya kebebasan dari api nera-

(Lihat Muka 6)

## Puasa membentok manusia berperasaan sabar, simpati dan ketahanan diri

**BERIKUT ia-lah uchapan Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim bagi mengalu2kan awal Ramadhan tahun Hijrah 1397. Uchapan ini telah di-siarkan melalui Radio Talivishen pada malam Rabu minggu lalu.**

KITA sa-kali lagi menyambut kedatangan bulan Ramadhan pada tahun ini sa-bagaimana tahun2 yang sudah2 umat Islam di-Brunei bersama2 dengan saudara2 umat Islam di-seluroh dunia mengerjakan ibadat yang menjadi rukun Islam ia-itu Puasa. Tidak-lah payah saya menerangkan tentang kewajipan itu kerana sa-tiap orang yang mengakui diri-nya Islam tau akan kewajipan-nya sendiri terhadap bulan ini. Sebab itu dengan datang-nya bulan ini mari-lah kita bersama2 mengerjakan kewajipan kita sa-bagai sa-orang Islam dengan chara yang lebeh sempurna dan dengan hati yang lebeh takwa daripada masa2 yang lalu.

Dalam kehidupan kita sa-bagai manusia di-mana kita ingin hidup dengan chara yang sempurna dan bahagia maka kehidupan sa-chara duniawi sahaja tidak-lah dapat akan membimbing manusia ka-arah kebahagiaan yang sa-benar sebab sa-bagaimana yang kita tau kehidupan dunia yang bersendikan mata benda selalu-nya mengurangkan perasaan yang bersifat kerohanian yang boleh menjadikan manusia itu kurang pertimbangan, kurang perasaan kaseh sayang, kurang keinsafan dan kurang keinginan untok menolong sa-sama sendiri khas-nya dalam perkara2 yang berbentok makan minum dan kewangan.

Saperti Sabda Nabi Muhammad s.a.w. yang erti-nya: "Barang siapa yang tidak meninggalkan perkataan dusta dan beramal dengan-nya dan kejahilan maka Allah s.w.t. tidak berhajat bagi-nya untok meninggalkan makanan-nya dan minuman-nya".

Untok lebeh mendekatkan sa-orang Islam kapada hakikat Puasa yang sa-benar-nya maka berbagai2 perkara telah di-surohkan oleh ugama dalam bulan Ramadhan saperti sembahyang Tarawikh, membacha Kor'an (bertadrus) sembahyang Witir, bersedekah dan lain2-nya yang mana semua-nya ini bertujuan untok lebeh mendekatkan diri kapada Allah s.w.t. dengan melupakan sa-bentar kehendak2 naluri yang menahan manusia daripada beribadat sa-penoh2-nya kapada Allah s.w.t.

Ibadat Puasa ada-lah satu kesempatan yang di-temui sa-kali sa-tahun untok kita mendekatkan diri kapada Allah s.w.t. maka kesempatan yang di-berikan oleh Allah s.w.t. hendak-lah kita rebut dan pergunakan dengan sa-baik2-nya dalam usaha kita untok menjadi orang2 Islam yang sempurna lindongan dan rahmat Allah s.w.t. Mudah2an dengan datang-nya bulan Ramadhan ini kita akan menunaikan kewajipan kita sa-bagai orang Islam yang di-redhai oleh Allah s.w.t.

# KULIAH SUBOH: DI-SEKITAR SEMINAR PENGETAHUAN UGAMA ISLAM DI-KALANGAN PENUNTUT2

**KONSEP KEHIDUPAN DUNIA DAN MATALAMAT NYA**

*Oleh:*
*Haji Badaruddin bin Pgh Hj Othman,*
*Pegawai Penerangan dan Tabliq,*
*JHEU, Brunei.*

PENDAHULUAN

TERDAPAT beberapa ayat Al-Kor'an yang mempermudah2kan kepentingan kehidupan dunia dan menchela orang2 yang menyangi keduniaan. Berpuncha dari-nya terdapat-lah keraguan pada kebanyakan orang Islam yang tidak berkesempatan mendalamkan pengetahuan ugama-nya, ia-itu sa-jauh mana-kah dapat di-buat antara keperluan2 dunia dengan keperluan2 akhirat?

Maka, menerusi saranan2 dalam ayat2 Al-Kor'an juga saya sukachita mengemukakan pendekatan ka-arah memahami nilai2 kehidupan dunia, ia-itu bagi maksud memahami konsep dan matalamat-nya.

Chontoh Ayat2 Al-Kor'an Yang Mempermudah2 Kepentingan Kehidupan Dunia

(1) Ayat 14, Surah Ali 'Emran yang erti-nya: "Manusia itu di-beri perasaan berhasrat atau bernafsu, mithal-nya kapada perempuan, anak-pinak, kekayaan yang melimpah2 dari emas dan perak, kuda yang bagus, binatang ternakan dan sawah ladang — itu-lah kesenangan hidup dunia, sedang di-sisi Allah ada tempat kembali yang (tujuan hidup) sa-baik2-nya."

(2) Ayat 38, Surah At-Taubah bermaksud: "Wahai orang2 yang beriman! Apa-kah yang menghalangi kamu ketika di-katakan kapada kamu: Berangat-lah (berperang-lah) pada Jalan Allah! Tetapi kamu ingin tinggal di-bumi (tiddak keluar berperang). Apa-kah kamu lebeh merasa senang dengan kehidupan dunia dari akhirat? Ada pun kesenangan hidup di-dunia ini di-bandingkan dengan akhirat, hanya-lah sedikit (nilai-nya)".

Keterangan Dan Kesimpulan Sekitar Ayat2 Yang Mempermudah2kan Kepentingan Dunia

(1) Ayat 14 Surah Ali 'Emran itu mendedahkan sifat sa-mula jadi kita manusia pada umom-nya sabagai menyukai kesenangan2 dunia yang terdiri daripada perempuan. harta benda. dan anak-pinak. Kemudian ayat itu menegaskan semua kesenangan2 yang kita sukai itu bukan-lah matalamat sa-benar kehidupan ini.

(2- Ayat 38, Surah At-Taubah pula menchela sa-tengah orang2 mukmin pada zaman Nabi s.a.w. di-Madinah yang enggan menyahut seruan keluar menentang musoh yang terdiri dari askar2 Rum di-perbatasan negeri Syria. Mereka itu enggan kerana waktu itu di-musim panas sedang jarak perjalanan pula jauh. lalu mereka lebeh senang tidak ikut berangkat bersama2 kira2 30 ribu orang Islam yang sanggup menempoh kesukaran2 tersebut. Maka orang2 yang enggan itu di-chela sa-bagai lebeh menyangi kesenangan hidup di-dunia padahal nilai-nya tidak-lah sa-banyak mana jika di-bandingkan dengan kesenangan di-akhirat yang kelak di-nekmati sa-bagai ganjaran mematohi seruan Allah.

Kesimpulan-nya

(a) Kesukaan hawa nafsu mithal-nya terhadap wanita, harta benda dan anak-pinak bukan-lah tujuan sa-benar kehidupan ini. Di-sa-balek semua kesenangan sa-demikian ada lagi matalamat yang mesti di-usahakan dan di-chapai.

(c) Keselesaan hidup di-dunia dengan chara saperti Jalan Allah ada- lah kesenangan yang nilai-nya sedikit kalau di-banding dengan kesenangan hidup di-akhirat hasil daripada pengorbanan mematohi perintah2 atau larangan Allah.

Latar-belakang Ayat2 Yang Mempermudah2kan Kepentingan2 Dunia

Ayat2 saperti yang di-petik tadi yang mempermudah2kan atau merendah2kan nilai kepentingan dan kesenangan hidup di-dunia itu, dan juga lain2 ayat yang terdapat di-dalam Al-Kor'an menchela orang2 yang menyangi kesenangan2 kehidupan dunia ada-lah dalam konteks atau munasabah2 tertentu, ia-itu samada:

(a) Dalam konteks ayat2 yang menyerukan supaya berkorban (berjihad) dengan harta benda dan jiwa raga bagi mengokohkan amalan ajaran2 Allah, atau —

(b) Dalam konteks ayat2 yang menyerukan supaya kesenangan2 dan nekmat2 hidup di-dunia ini jangan sampai melalaikan yang pasti akan menjejaskan kewajiban2 terhadap Allah dan sa-sama makhlok, atau —

(c) Dalam konteks ayat2 yang menyerukan supaya di-usahakan dan di-chapai matalamat2 kebajikan perseorangan dan kumpolan dengan semangat taatkan ajaran2 Allah, atau —

(d) Dalam konteks ayat2 mengingatkan akibat2 mementingkan kebendaan dalam semua aspek-nya yang pasti akan merosakkan diri perseorangan dan kumpolan.

Oleh itu, pada pokok-nya saranan2 Allah s.w.t. melalui ayat2 Al-Kor'an yang merendahkan atau menchela kepentingan dunia serta orang2 yang menyangi-nya ada-lah saranan2 berdasarkan sebab2 tertentu dan di-maksudkan untok membatasi sifat sa-mula jadi kita manusia yang sa-memang-nya di-berikan-Nya persediaan menyukai dan menyenangi kesenangan2 hidup.

Maka dari kesimpolan tersebut, kita maseh dapat memahamkan kedudokan sa-benar kepentingan kehidupan dunia dengan segala nilai2-nya yang layak di-chapai menurut ketentuan yang di-sarankan oleh Allah s.w.t.

Chontoh Ayat2 Al-Koran Yang Menyarankan Penggunaan Nekmat2 Kehidupan Dunia

(1) Ayat 168 dan 169, Surah Al-Baqarah yang bererti: "Wahai manusia! Makan-lah sa-bahagian makanan yang ada di-bumi ini, yang halal dan baik, dan jangan-lah kamu turut langkah2 shaitan, kerana shaitan itu musoh kamu yang terang. Shaitan itu hanya-lah menyuroh kamu mengerjakan kejahatan dan perbuatan keji dan mengada2kan hal tuhan yang tidak kamu ketahui".

(2) Ayat 172, Surah Al-Baqarah yang bermaksud: "Wahai orang2 yang beriman! Makan-lah rezeki yang baik yang Kami berikan kapada kamu, dan bershukor-lah kapada Allah, jika benar memang hanya Dia saja yang kamu sembah".

(3) Ayat 87 dan 88, Surah Al-Mai'dah dengan maksud: "Wahai orang2 yang beriman! Jangan-lah kamu jadikan terlarang barang2 yang baik yang telah di-halalkan oleh Allah untok kamu, dan jangan-lah kamu melanggar batas. Sa-sunggoh-nya Allah tidak menyukai orang2 yang melanggar batas. Dan makan-lah yang halal dan yang baik dari rezeki yang telah di-korniakan oleh Allah kapada kamu. Dan bertakwa-lah kamu kapada Allah yang kamu imani".

(4) Ayat 59, Surah Yunus bererti: "Katakan, Ada-kah kamu fikirkan, apa2 rezeki yang telah di-turunkan Allah untok kamu, lalu kamu jadikan sa-bahagian-nya haram (terlarang) dan sa-bahagian-nya halal. Katakan: Ada-kah Allah menghendaki (perbuatan sa-demikian itu) terhadap kamu senghaja mengada2kan-nya terhadap Allah?".

Keterangan Ayat2 Yang Menyarankan Penggunaan Nekmat

(1) Ayat 168, 169 dan 172 Surah Al-Baqarah menyarankan penggunaan nekmat2 Allah yang halal dan baik dengan batasan jangan sa-kehendak2 nafsu (yang di-dorongkan oleh shaitan) dan jangan sampai lupa daratan tidak menshukori Allah.

(2) Ayat 87 dan 88, Surah Al-Mai'dah pula menyarankan maksud yang sama dengan batasan jangan sampai melampaui batasan yang di-bolehkan dalam penggunaan nekmat2 itu dan jangan sampai menjadikan pengguna2-nya tidak lagi mengawal diri (takwa) pada menggunakan-nya.

(3) Ayat 59, Surah Yunus pula terang2 menchela sikap dan perbuatan sa-wenang2 mengharamkan atau menghalalkan nekmat2 Allah (yang halal di-haramkan dan yang haram di-halalkan).

Kesimpolan-nya

(a) Kesemua chontoh ayat di-atas dan lain2 ayat yang sa-umpama-nya ada-lah terang2 menyarankan penggunaan nekmat2 Allah dalam kehidupan di-dunia ini. Tidak saja dari segi makanan dan minuman pakaian dan perhiasan bahkan darisegi penggunaan lain2 kemudahan serta kesenangan untok kepentingan hidup kita di-dunia (lihat ayat 21 dan 22 surah Al-Baqarah; ayat 59 dan 60 Surah Yunus; ayat 32 dan dd Surah Ibrahim; ayat 5 dan 4 Surah An-Nahli; ayat 20 Surah Lukman; ayat 64 Surah Ghafir, dan ayat 15 Surah Al-Mulki).

(b) Sharat penggunaan itu biasa saja ia-itu jangan melampaui batas; jangan sa-kehendak2 hati dan nafsu; jangan sampai tidak dapat mengawal diri; jangan lupa daratan. Kesemua-nya ada-lah sharat2 yang berpatutan demi menjamin nekmat2 itu di-pergunakan menurut yang sa-patut-nya dan supaya pengguna2-nya dapat menekmati-nya dengan sa-baik2-nya.

Masaalah sa-benar Ia-lah Chara Penchapaian dan Penggunaan

Berpandukan batasan atau sharat2 penggunaan nekmat2 itu dapat di-fahamkan bahawa ajaran2 ugama tidak-lah membolehkan nekmat2 yang di-korniakan Allah itu di-semberanakan pada mengusahakan dan menchapai-nya. Ia-nya ada-lah kepentingan kehidupan dunia.

Oleh itu, ayat2 yang mempermudah2kan kepentingan kehidupan dunia dengan maksud2-nya yang tertentu tadi sama matalamat sasaran-nya sa-bagai 'menchela' penggunaan nekmat sa-chara sa-wenang2 sa-hingga kepentingan-nya mengusahakan dan menchapai-nya mengatasi lain2 kepentingan. Tegas-nya 'chelaan' Allah s.w.t. ka-atas kesenangan2 dalam kehidupan dunia dan orang2 yang menyangi-nya sama-lah ka-atas penchapaian serta penggunaan sa-chara sa-wenang2 nekmat kesenangan itu.

Jadi, masaalah sa-benar kehidupan dunia ini bukan-lah pada perkara penting atau tidak penting kedudokan-nya bagi kita orang2 Islam, tetapi ada-lah terletak pada chara penchapaian dan penggunaan nekmat2 yang memang-nya kita senangi dan kita perlukan dalam hidup ini.

Konsep Dan Matalamat

Apabila kita fahami masaalah sa-benar kehidupan dunia ini ia-lah masaalah chara penchapaian nekmat2 kesenangan dan chara penggunaan-nya, maka kita sa-kurang2-nya sudah mendekati pemahaman sa-benar mengenai dengan konsep kehidupan dunia dan matalamat-nya.

Dan jika menilek diri kita manusia ini di-jadikan Allah bagi fungsi 'berbakti' yaani dalam ertikata beribadat kapada Allah saperti terkandong dalam maksud firman-Nya: "Tidak-lah Aku jadikan jin dan manusia melainkan untok mereka beribadat kapada Ku" (ayat 56, Surah Az-Zariat) maka maksud kehidupan itu pada pokok-nya ia-lah 'menghayati' ajaran2 Allah.

Ertikata ajaran2 Allah yang di-hayati atau di-resapkan di-amalkan itu termasok-lah antara-nya saranan2 Allah mengenai penchapaian dan penggunaan yang tepat segala nekmat2 Allah.

Dan kalau tadi ayat2 yang di-petik sekitar chelaan ataupun sekitar saranan Allah mengenai penggunaan nekmat2 itu terdapat 'desakan' supaya *bertakwa kapada Allah* dalam ertikata-nya yang luas maka *takwa* itu-lah menjadi alasan sa-benar kehidupan dunia ini yang 'stashen' terakhir-nya ia-lah kehidupan akhirat.

Dengan 'takwa' kita di-harapkan dapat menjalankan fungsi2 kehidupan dengan sa-baik2-nya. Maka sa-rentak dengan itu kita juga dapat mengusahakan penchapaian kesenangan dunia dengan sa-baik2-nya dan mempergunakan-nya pula dengan sa-baik2-nya.

Maka apabila 'takwa' itu menjadi landasan kehidupan dunia yang 'stashen' akhir-nya ia-lah kehidupan akhirat, maka fungsi kehidupan dunia berserta dengan penchapaian dan penggunaan nekmat2-nya tentu-lah di-matalamatkan untok sampai di-bawa ka-'stashen' akhir itu.

Kesimpolan-nya:

Usaha2 untok menchapai dan mempergunakan kesenangan hidup di-dunia dengan chara yang tepat ia-itu 'takwa' ada-lah juga usaha2 untok menchapai kesenangan hidup akhirat. Maka dengan itu kehidupan dunia dengan segala 'bakti' (ibadat) kapada Allah matalamat-nya ia-lah kehidupan akhirat. Dengan itu tidak-lah ada sa-benar-nya pertentangan jalan menuju kepentingan dunia bagi sa-orang muslim yang takwa.




(Dari Muka 5)

Sementara membacha Al-Kor'an akan mententeramkan hati, dalam ma'ana jika hati itu sedang sakit, samaada penyakit ringan atau pun berat, dengan Al-Kor'an ia akan segera terubat. Orang yang membacha Al-Kor'an ada-lah orang yang mengingati Allah, jadi bagaimana-kah suatu kejahatan itu boleh masok bagi orang yang ingatkan Allah? Demikian-lah hal ini sangat terang di-sebut oleh Allah di-dalam surah Al-Isra' ayat 82 yang bermaksud kira2:

"Dan Kami turunkan dari Al-Kor'an itu apa yang menjadi ubat dan rahmat untok orang2 yang beriman".

Pada lazim-nya orang sangat takut kapada penyakit2 jasmani yang merbahaya saperti penyakit canser, penyakit lemah jantong, penyakit darah tinggi dan sa-bagai-nya, tetapi kita jarang mengambil perhatian terhadap penyakit2 rohani, saperti penyakit tidak jujor dan tidak amanah dan penyakit rasuah, sa-bagaimana yang terkandong dalam uchapan Yang Teramat Berhormat di-atas. Padahal, sa-takat penyakit canser atau darah tinggi saja, ia hanya-lah akan membunoh pengidap-nya sa-orang, sementara penyakit2 rohani saperti tidak jujor dan khianat boleh merosakkan sa-buah negeri dan suatu umat, samaada dalam kumpulan umat itu orang2 yang berdosa atau pun tidak.

Jadi menyedari akan kemerbahayaan penyakit2 rohani ini, mari-lah sama2 kita merenongkan serta mengambil ingatan akan uchapan Yang Teramat Berhormat di-atas — sa-bagai asas kita berjaga2 dari bahaya2 masharakat yang tidak di-ingini. Dari ibadat yang sedang kita jalani, ia-itu puasa sa-bulan Ramadhan dan membacha Al-Kor'an, mudah2an-lah kita akan beroleh berkat dan taufik serta hidayat pertunjok dalam kita menjalani kehidupan yang bersimpang siur ini.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 3hb. hingga 7hb. September, 1977

| Tempat Persinggahan | Tarikh | Hari | Masa |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Birau | 3.9.1977 | Sabtu | 1.30- 2.30 petang |
| Skeolah Melayu Kiudang | 3.9.1977 | Sabtu | 2.45- 3.45 petang |
| Sekolah Melayu Lamunin | 3.9.1977 | Sabtu | 4.00- 5.00 petang |
| Berakas English School (Bhg. Rendah) | 5.9.1977 | Isnin | 2.00- 3.00 petang |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 5.9.1977 | Isnin | 3.30- 5.30 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 6.9.1977 | Selasa | 8.30- 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak | 6.9.1977 | Selasa | 10.30-11.30 pagi |
| Sekolah Melayu Dato Gandi | 7.9.1977 | Rabu | 8.30- 9.00 pagi |
| Sekolah Melayu Serasa | 7.9.1977 | Rabu | 10.00-10.30 pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 7.9.1977 | Rabu | 10.45-11.15 pagi |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 7.9.1977 | Rabu | 11.30-12.00 tengah hari |

# DI-SEKITAR TEMASHA SOKAN R



DUA temasha yang menarek telah di-adakan pada hari Ahad 14hb Ogos yang lalu. Kedua temasha itu di-adakan sa-bagai mengakhiri perayaan sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-31 tahun bagi Daerah Brunei dan Muara.

Temasha sokan ria khas bagi orang2 kenamaan telah di-adakan dalam suasana gelak ketawa dan penoh kemeriahan. Beberapa achara perlumbaan telah di-adakan bagi peserta2 dari lima buah pasokan yang terdiri dari Wazir2, Cheteria2, Ketua2 Jabatan, Pehin2 Menteri, Menteri2 Pendalaman dan Penghulu dan Ketua Kampong itu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan telah berangkat menyaksikan temasha itu. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan juga telah berangkat dan mengetuai pasokan DYMM dalam perlawanan tarek kalat (gambar kiri) yang mana pasokan DYMM telah menjadi johan dalam achara itu.

Gambar2 di-bawah ini menunjokkan peserta2 ketika menyertai empat dari 10 achara yang di-pertandingkan, ia-itu lumba lari dalam guni (kiri tengah), mengisi ayer dalam botol (kiri bawah), menyorong kereta sorong berisi bellon (bawah) dan menarek orang dalam pungkis (paling bawah).

Di-Muara pula beribu2 orang telah membanjiri Pantai Muara untok menyaksikan aneka chorak pertandingan yang di-adakan dalam Temasha Pantai Ria.

Temasha yang di-adakan sa-hari suntok itu telah dirasmikan oleh YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz (kanan). Pembukaan rasmi temasha itu telah di-serikan dengan satu tarian yang di-persembahkan oleh penuntut2 dari Sekolah Chung Hwa Bandar Seri Begawan (kanan bawah).

Antara achara yang di-pertandingkan pada hari itu ia-lah mengupas nenas (kanan sekali) peraduan makan roti bagi kanak2 (kanan tengah) dan menumbok padi bagi kaum lelaki (bawah sekali).









# DAN PESTA PANTAI DI-MUARA











# NAMA2 AMIL DAN TEMPAT2 MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

(Dari Muka 7)

| BIL: | KAWASAN: | NAMA2 AMIL: | T/MEMBAYAR: |
|---|---|---|---|
| 4. | Dari Lorong 8 Seria hingga ka-Roundabout Batu 4 Kuala Belait | a) Awang Masri bin Abon (Kaki Tangan BSP Co.)<br>*b) Awang Sulaiman bin Awg Damit (Kaki Tangan BSP Co.) | Di-Masjid Pekan Seria. |
| 5. | Mukim Masjid Kampong Sungai Liang | a) Pemangku Imam Masjid Kg Sungai Liang.<br>b) Awang Abdul Wahid bin Awang Haji Abdul Wahab (Penghulu Mukim Sungai Liang) | Di-Masjid Kg. Sungai Liang. |
| 6. | Mukim Masjid Kampong Bukit Sawat | Awang Ali bin Awg Othman (Imam Masjid Kg Bukit Sawat) | Di-Masjid Kg. Bukit Sawat. |
| 7. | Mukim Masjid Kampong Labi Ulu Belait. | a) Awang Mat Sah bin Nurdin (Imam Masjid Kg Labi)<br>b) Imam Haji Ahmad bin Metassim | Di-Masjid Kg. Labi. |
| 8. | Mukim Kuala Balai | *Awang Shafiee bin Liwen (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |

### Kawasan Bandar dan Pendalaman Dearah Tutong

| BIL: | KAWASAN: | NAMA2 AMIL: | T/MEMBAYAR: |
|---|---|---|---|
| 1. | **Kawasan Barat Masjid Hassanal Bolkiah**<br>a) Kawasan Kuala Tutong<br>b) Kampong Sengkarai<br>c) Kampong Petani<br>d) Kawasan Bukit Bendira dan Sungai Basong | Awang Johari bin Abd Hamid (Imam Masjid Hassanal Bolkiah) | Di-Masjid Hassanal Bolkiah. |
| 2. | **Kawasan Timor Masjid Hassanal Bokiah**<br>a) Kampong Suran<br>b) Kampong Panchor Dulit<br>c) Kampong Panchor Papan<br>d) Kampong Rambai | Che'gu Abdul Hamid bin Talipuddin (Guru Ugama) | Di-Masjid Hassanal Bolkiah. |
| 3. | Mukim Masjid Kampong Penanjong | Awang Abdul Wahab bin Othman (Imam Masjid Kg Penanjong) | Di-Masjid Kg. Penanjong |
| 4. | Mukim Masjid Kampong Sinaut | Pemangku Imam Masjid Kg Sinaut | Di-Masjid Kg. Sinaut |
| 5. | Mukim Masjid Kampong Keriam | Awang Ahmad bin Awang Jumat (Imam Masjid Kampong Keriam) | Di-Masjid Kg. Keriam |
| 6. | Mukim Masjid Kampong Kupang | Awang Bohari bin Awang Kemat (Imam Masjid Kampong Kupang) | Di-Masjid Kg. Kupang |
| 7. | Mukim Masjid Kampong Birau | Awang Abdul Rahman bin Awang Serudin (Imam Masjid Kampong Birau) | Di-Masjid Kg. Birau. |
| 8. | Mukim Masjid Kampong Lamunin | Awang Ahmad bin Hussin (Imam Masjid Kampong Lamunin) | Di-Masjid Kg. Lamunin. |
| 9. | Mukim Masjid Kampong Layong | Awang Haji Abd Manaf bin Haji Lahid (Imam Masjid Kampong Layong) | Di-Masjid Kg. Layong. |

| BIL: | KAWASAN: | NAMA2 AMIL: | T/MEMBAYAR: |
|---|---|---|---|
| 10. | Mukim Masjid Kampong Kiudang | Awang Othman bin Talipuddin (Imam Masjid Kampong Kiudang) | Di-Masjid Kg. Kiudang. |
| 11. | Mukim Masjid Kampong Tanjong Maya | Awang Haji Mohd Yassin bin Haji Metassan (Imam Masjid Kampong Tanjong Maya) | Di-Masjid Kg. Tanjong Maya. |
| 12. | Mukim Masjid Kampong Tumpuan Telisai | Awang Sabtu bin Abu Bakar (Imam Masjid Kampong Tumpuan Telisai) | Di-Masjid Kg. Tumpuan Telisai. |
| 13. | Mukim Masjid Kampong Danau | Awang Abd Wahab bin Imam Daud (Imam Masjid Kampong Danau) | Di-Masjid Kg. Danau. |
| 14. | Mukim Masjid Kampong Penapar | Pengiran Mumin bin Pengiran Sulaiman (Imam Masjid Kampong Penapar) | Di-Masjid Kg. Penapar. |
| 15. | Mukim Masjid Kampong Menanggah dan Kampong Bukit Sulang | Awang Ali bin Awang Jambul (Imam Masjid Kampong Menanggah) | Di-Masjid Kg. Menanggah. |
| 16. | Mukim Masjid Kampong Bukit Beruang | Awang Johari bin Abu Bakar (Imam Masjid Kampong Bukit Beruang) | Di-Masjid Kg. Bukit Beruang. |
| 17. | Kawasan Kampong Bekiau | *Awang Abdul Ghani bin Abd Razak (Kaki Tangan Pejabat Daerah Tutong) | Di-Rumah Amil. |
| 18. | Kawasan Kampong Bukit Panggal | *Awang Haji Momin bin Awg Asmad (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil. |
| 19. | Battalion Ke-2 — Askar Melayu Diraja Tutong | Capt. Pengiran Haji Jaluddin bin Pengiran Mustafa | Di-Surau Battalion Ke-2 Askar Melayu Diraja Tutong. |

### Kawasan Bandar Dan Pendalaman Daerah Temburong

| BIL: | KAWASAN: | NAMA2 AMIL: | T/MEMBAYAR: |
|---|---|---|---|
| 1. | **Kawasan Bangar "A"**<br>a) Kawasan Pekan Bangar<br>b) Kampong Tanjong Seri Belayang<br>c) Kampong Puni<br>d) Kampong Batang Tuau<br>e) Kampong Hujong Jalan | Awang Alikhan bin Awang Ismail (Imam Masjid Utama Mohd Salleh) | Di-Masjid Utama Mohd. Salleh. |
| 2. | **Kawasan Bangar "B"**<br>a) Kawasan Pekan Bangar Baru<br>b) Kampong Menanggah<br>c) Kampong Gadong<br>d) Kampong Semamang | Pengiran Metassan bin Pengiran Mohd Salleh (Bilal Masjid Utama Mohd Salleh) | Di-Masjid Utama Mohd. Salleh. |
| 3. | **Kawasan Kampong Selangan**<br>a) Kampong Selangan<br>b) Kampong Belaban Baru<br>c) Kampong Belingus<br>d) Kampong Si-Bulu<br>e) Kampong Sibut | Awang Abdul Kadir bin P.P.D. Haji Abdul Rahim (Imam Masjid Kampong Selangan) | Di-Masjid Kg. Selangan. |
| 4. | Mukim Masjid Batu Apoi | Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Sulaiman (Imam Masjid Kampong Batu Apoi) | Di-Masjid Kg. Batu Apoi. |
| 5. | Mukim Masjid Bukok | Awang Haji Sabtu bin Awang Ghani (Imam Masjid Kampong Bukok) | Di-Masjid Kg. Bukok. |
| 6. | Mukim Masjid Labu Estate | Awang Ahmad bin Awang Tengah (Imam Masjid Kampong Labu Estate) | Di-Masjid Kg. Labu Estate. |

PERINGATAN: *Amil2 yang baharu di-lantek.

# Projek parit dan taliayer di-sawah padi Kg. Tanah Jambu

KAWALAN ayer yang baik dan semporna merupakan salah satu daripada faktor2 yang utama dalam meninggikan penghasilan tanaman padi paya. Ayer yang dibekalkan ka-sawah padi pada waktu2 yang di-kehendaki bukan sahaja sa-chara langsong memenohi keperluan2 pokok2 padi untok membesar dan mengeluarkan hasil, bahkan juga menchegah atau pun sekurang2-nya menekan pertumbohan berjenis2 rumput rampai yang sentiasa bersaing hebat dengan pokok2 padi dalam memperoleh makanan yang sedia terdapat di-dalam tanah dan di-bekalkan melalui pembubohan2 baja.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam usaha-nya untok menambah lagi penghasilan padi di-negeri ini, telah membelanjakan tidak kurang dari $150,000.00 pada tiap2 tahun untok mengadakan kemudahan2 kawalan ayer di-sawah2 padi di-tiap2 daerah di-negeri ini yang mempunyai keluasan yang munasabah dan menchukopi.

Salah satu daripada kawasan2 padi paya yang sekarang menekmati kemudahan2 ini terletak di-Kampong Tanah Jambu, di-Batu 11 Jalan Muara/Bandar Seri Begawan. Kawasan sa-luas kira2 100 ekar itu yang mendapat bekalan ayer dari Sungai Tanah Jambu, telah di-lengkapkan dengan 307 rantai parit, 233 rantai taliayer, 4 buah 'babang' dan sabuah jambatan untok kenderaan dan jentera2 pembajak yang berulang alek ka-kawasan sawah.

Projek yang menelan belanja kira2 $120,000.00 itu di-mulakan pada pertengahan tahun 1972 dan perengkat terakhir projek tersebut telah siap dalam bulan Ogos, 1974.

Sa-buah jawatankuasa yang terdiri dari lima orang ahli yang di-pileh dari 61 keluarga yang berpadi di-kawasan projek parit dan taliayer tersebut, telah di-bentok pada 1hb Jun tahun ini untok menjalankan tugas2 dan tanggong-jawab ka-atas pemeliharaan dan penggunaan kemudahan2 kawasan ayer yang di-berikan sa-chara terator dan sempurna. Jawatankuasa itu berhubong rapat dengan Jabatan Pertanian bahagian Pengembangan Daerah Brunei/Muara dalam semua aspek penyelarasan perkhidmatan2, jentera2 pembajak dan bantuan2 baja, rachun rumput, kimia, mengawal musoh2 dan penyakit padi dan perkara2 saumpama-nya yang di-adakan untok penanam2 padi oleh Jabatan Pertanian.

Ada-lah di-fahamkan bahawa dengan di-perluaskan lagi kemudahan2 kawalan ayer di-masa yang sesuai nanti, kawasan sawah padi di-Kampong Tanah Jambu itu boleh menchapai keluasan 250 ekar.



Gambar2 menunjokkan "babang" simen yang di-bena di-Kampong Tanah Jambu.



# BEBERAPA PERLAWANAN BOLASEPAK DI-ATOR TERMASOK KUNJONGAN KA-LUAR NEGERI

KUALA BELAIT. — Mashuarat Agong Kali Ke-III Persatuan Bolasepak Amatur Daerah Belait telah di-langsongkan pada 5hb Ogos yang lalu bertempat di-Dewan Pusat Belia sini. Pegawai Daerah Belait Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Mohd. Ja'afar telah merasmikan mashuarat tersebut.

Dalam uchapan perasmian-nya antara lain Dato Paduka Haji Abdullah menasihatkan supaya mashuarat agong yang bersidang pada hari itu benar2 akan dapat membuahkan hasil yang akan dapat memenohi hasrat pergerakan bolasepak di-Daerah Belait khas-nya dan bagi Negeri Brunei 'am-nya.

Beliau juga merasa kagum dan bangga mengetahui yang Persatuan Bolasepak Amateur Daerah Belait telah ranchak menyusun perlawanan2 bolasepak dan beberapa aktibiti lain saperti memberikan derma kabajikan kapada Rumah Orang2 Tua Seria, Tabong Anak2 Yatim dan Tabong Kebangsaan Negeri Brunei.

Yang sangat2 beliau kagumi ia-lah sikap berani persatuan tersebut itu mendatangkan sa-orang jurulateh bolasepak dari Republik Sinagpura dengan perbelanjaan-nya sendiri sa-mata2 ingin meninggikan taraf permainan bolasepak di-samping melateh pemain2 tempatan serta melahirkan bakal2 jurulateh yang di-harapkan boleh menyambong usaha melateh pemain2 di-daerah ini.

Terdahulu dari itu, Yang Dipertua Bolasepak Amatur Daerah Belait, Pengiran Ali Hassan bin DSLJ Pg Haji Abass telah juga turut menyampaikan uchapan alu2an-nya di-majlis itu.

Mashuarat agong itu juga telah mengambil beberapa keputusan: Mengadakan perlawanan antara jabatan2 Kerajaan di-Daerah Belait, yang akan di-laksanakan sa-lepas Hari Raya terbuka kapada pemain2 belia yang berumor 20 tahun ka-bawah bagi belia2 di-Daerah Belait; Liga tahunan bagi bahagian I dan II; Perlawanan sempena hari puja usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan ke-31 dan ranchangan untok membawa pasokan bolasepak Belait ka-luar negeri, sedang di-ator.

Jawatankuasa Tadbir 1977/78 ada-lah saperti berikut:

Yang Dipertua, Pengiran Ali Hassan bin DSLJ Pg Haji Abass; Naib Yang Dipertua I (Pentadbiran), Abdul Rahman bin Abdul Kani; Naib Yang Dipertua II (Perlawanan), Awang Ismail bin Apong; Setiausaha Agong Pentadbiran, Mohd. Wali bin Haji Hassan; Setiausaha Agong Perlawanan, Hashim bin Suhaimi; Timbalan Setiausaha Agong, Yusoff bin Haji Munir Bendahari Kehormat, Awang Clement Chia; Pendaftar, Awang Kassim bin Abdullah; Pemereksa Kira2 I, Awang Hassan bin Louis; Pemereksa Kira2 II, Awang Jumat bin Idris; Ahli2 Jawatankuasa Biasa, Awang Salleh bin Metassan, Awang Hassan bin Bakar, Haji Abdul Rahman bin Haji Mohd. Ja'afar Awang Ibrahim bin Metussin, Pengiran Ismail bin Pg Md Salleh, Awang Morni bin Layon, Awg Suhaimi bin Abdul Samat, Awg Busu bin Ahmad, Abang Morshidi bin Abang Haji Suhaili dan Awg Ma'arof bin Manglan.

BELIA DAN SOKAN



Bergambar ramai sa-lepas mashuarat (dudok dari kiri): Kassim Abdullah, Yusoff Haji Munir, Mohd. Wasli Haji Hassan, Abdul Rahman Kani, Pengiran Ali Hassan bin DSLJ Pg Hj Abass, Ismail Apong, Hashim Suhaimi dan Clement Chia. — Kiriman: Hashim Suhaimi.



## Johan Sek2 Brunei II

SEKOLAH Melayu Sengkurong Brunei II, telah munchol sabagai johan dalam kedua2 bahagian lelaki dan perempuan bagi sokan Sekolah2 Melayu Brunei II, yang telah di-langsongkan pada 9hb Ogos yang lalu di-Padang S. M. Anak2 Askar, Berakas Kem Brunei. Bergambar dengan piala2 dan oskar kemenangan (dudok dari kiri): Che'gu Hassan Sulaiman, Pengiran Ali bin Pengiran Hidup, Pengerusi Sokan, Che'gu Abdul Wahab Nayan (Guru Besar) dan Che'gu Hidup Bunal, S/U Sokan—Kiriman Abd Manaf Madin.

## 40 PANDUAN [UNDANG2 KE-15]



KEPUTUSAN LEMBAGA ANTARABANGSA.

1. Jika sa-orang pemain yang sedang mengambil satu buangan ka-dalam, memainkan bola bagi kali yang kedua dengan memegang bola di-dalam padang permainan sebelum bola itu di-sentoh atau di-mainkan oleh pemain yang lain, Pengadil akan memberi satu tendangan perchuma.

2. Sa-orang pemain yang sedang mengambil satu buangan ka-dalam hendak-lah mengadap padang permainan dengan separoh bahagian badan-nya.

3. Jika apabila satu buangan ka-dalam sedang di-ambil, salah sa-orang pemain dari pehak lawan-nya menari2 atau melakukan perkara2 yang bertujuan untok menyesatkan si-pembuang, perbuatan itu akan di-anggap sebagai tidak bertertib dan pemain2 yang bersalah akan di-beri amaran bertulis.

NESAHAT KAPADA PEMAIN2: —

Kebiasaan menuntut untok buangan ka-dalam apabila bola keluar garisan tepi menjadi kelaziman dan itdak semesti-nya berlaku. Biarkan penjaga garisan memberi keputusan-nya.

Jangan berkelakuan kebudak2kan dan menunjokkan bantahan atau menendang bola keluar apabila keputusan buangan ka-dalam atau lain2 keputusan di-beri kapada pehak lawan.

# PASOKAN PEHIN2 MENTERI JOHAN

**BANDAR SERI BEGAWAN.— Pasokan Pehin2 Menteri telah menjadi johan keselurohan dalam temasha sokan bagi orang2 kenamaan yang telah di-adakan di-Padang Besar di-sini pada 14hb Ogos yang lalu. Naib-johan ia-lah pasokan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong manakala Pasokan Menteri2 Pendalaman mendapat tempat ketiga.**

Sa-banyak lima buah pasokan ia-itu pasokan DYMM, Wazir2/Cheteria, Pehin2 Menteri, Menteri2 Pendalaman dan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong telah menyertai 10 achara sokan pada hari itu.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat menyaksikan temasha yang di-adakan sa-bagai salah satu achara sambutan perayaan hari keputeraan Baginda yang ke-31 tahun itu.

DYTM Paduka Seri Begawan Sultan juga telah berangkat menyertai perlawanan tarek kalat.

Hadiah2 kapada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang J. A. Davidson di-akhir temasha itu.

Berikut ia-lah keputusan dalam tiap2 achara pada hari itu:

